

大學選譯

Terjemahan Pilihan Daxue



大学“三纲领”

“Tiga Program” dalam *Daxue*



1. 大学“三纲领”

【原文】

大学之道，在明明德，在亲民，在止于至善。

《大学·经》

【释文】

大学的宗旨在于使学者彰显光明的德性，在于使学者弃旧图新，在于使学者努力追求并最终达到最完善的道德境界。

【解析】

大学的宗旨这三句话，被称作大学的“三纲领”，其实质是为了使学者完善人格，“精神成人”。与功利性的“专业成才”相比，培养健全人格的“精神成人”更为重要。

1. “Tiga Program” dalam *Daxue*

【Bahasa China Modern】

Tujuan utama di *Daxue* adalah membuat seseorang penuntut ilmu menampakkan budi pekerti yang cemerlang, meninggalkan yang lama dan mengusahakan yang baru, menuntut dan mencapai taraf moral yang tertinggi pada akhirnya.

Daxue•Jing

【Penghuraian】

Tiga ayat tentang tujuan utama *Daxue* ini dinamakan “Tiga Program” bagi *Daxue*. Hakikatnya adalah untuk menyempurnakan budi pekerti seseorang penuntut ilmu, “menjadi dewasa pada rohani”. Berbanding dengan konsep “berjaya dalam kerjaya” yang bersifat utilitarianisme, “menjadi dewasa pada rohani” yang bertujuan untuk memupuk budi pekerti yang sihat memang lebih penting.

2. 知止而后有定

【原文】

知止而后有定，定而后能静，静而后能安，安而后能虑，虑而后能得。

《大学·经》

【释文】

知道应达到的道德境界然后才能有坚定的志向，志向坚定然后才能镇静不躁，镇静不躁然后才能内心安宁，内心安宁然后才能思虑周详，思虑周详然后才能有所收获。

【解析】

在大学求学，首先当“知其所止”，即明确自己应当努力追求并最终达到怎样的道德境界。有了明确的目标，才会有坚定的志向，坚强的决心，坚毅的意志，坚固的定力，学习才会有收获，有成就。

2. Sudah mengetahui matlamat yang harus dicapai, seterusnya barulah boleh mempunyai cita-cita yang teguh

【Bahasa China Modern】

Sudah mengetahui taraf moral yang harus dicapai, seterusnya barulah boleh mempunyai cita-cita yang teguh. Sudah mempunyai cita-cita yang teguh, seterusnya barulah boleh bersikap tenang. Sudah bersikap tenang, seterusnya barulah boleh mendapat keamanan dalam hati. Sudah mendapat keamanan dalam hati, seterusnya barulah boleh berfikir dengan saksama. Sudah berfikir dengan saksama, seterusnya barulah boleh memperoleh sesuatu.

Daxue•Jing

【Penghuraian】

Menuntut ilmu di *Daxue*, terlebih dahulu mesti memastikan taraf moral yang harus dituntut dengan rajin dan dicapai pada akhirnya. Sesudah mempunyai matlamat yang tegas, seseorang barulah akan mempunyai cita-cita yang teguh dan keazaman yang kuat, sesudah itu barulah boleh berjaya dalam pelajarannya.



物有本末，事有終始
Semua perkara ada awal ada akhir



3. 物有本末，事有终始

【原文】

物有本末，事有终始。知所先后，则近道矣。

《大学·经》

【释文】

每种事物都有本有末，每件事情都有始有终。明白了这本末终始（孰重孰轻，孰先孰后）的道理（知道做事的轻重缓急），就大体把握住大学的宗旨了。

【解析】

做事要分清轻重缓急。在大学学习，最根本的任务就是“精神成人”。学者应以“精神成人”引领“专业成才”。

3. Semua perkara ada awal ada akhir

【Bahasa China Modern】

Setiap perkara ada pangkal ada hujung, ada awal ada akhir. Kalau seseorang sudah memahami kebenaran ini, mengetahui mana yang penting mana yang ringan, dia pun sudah memahami tujuan utama di *Daxue* pada umumnya.

Daxue•Jing

【Penghuraian】

Semasa kita berbuat sesuatu, kita mesti membezakan mana yang penting mana yang ringan, mana yang mendesak mana yang kurang mendesak. Tugas utama semasa belajar di *Daxue* adalah “menjadi dewasa pada rohani”. Sebagai seorang penuntut ilmu, matlamat “menjadi dewasa pada rohani” seharusnya menjadi bimbingan bagi “berjaya dalam kerjaya”.

4. 大学“八条目”

【原文】

格物—致知—诚意—正心—修身—齐家—治国—平天下。

《大学·经》

【释文】

接触和研究万事万物——从学习和研究中广泛地获取知识——使自己的意念真诚——使自己的心思端正——修养好自己的品性——整治好自己的家庭——治理好国家——治理天下使天下太平。

【解析】

这八句话是实现“三纲领”的“八条目”，是后人根据《大学》原文概括出来的。“八条目”的顺序是这样的：通过对万事万物的接触和研究之后才能获得知识；获得知识之后意念才能真诚；意念

4. “Lapan Fasal” dalam *Daxue*

【Bahasa China Modern】

Menyentuh dan mengaji segala perkara di dunia – memperoleh pengetahuan secara meluas daripada pelajaran dan kajian – mengikhlaskan niat sendiri – membetulkan pemikiran sendiri – menyempurnakan budi perkerti sendiri – mengatur keluarga sendiri dengan baik – mentadbirkan negara dengan baik – menguruskan dan mengamankan dunia

Daxue•Jing

【Penghuraian】

Lapan ayat ini merupakan “Lapan Fasal” yang diringkaskan oleh pengkaji kemudian berdasarkan teks asli *Daxue* untuk melaksanakan “Tiga Program” tersebut. Susunan “Lapan Fasal” ialah, sesudah menyentuh dan mengaji segala yang wujud di dunia barulah boleh memperoleh pengetahuan; sesudah memperoleh pengetahuan barulah niat boleh menjadi ikhlas; sesudah niat menjadi ikhlas barulah pemikiran boleh menjadi betul; sesudah pemikiran menjadi betul barulah budi pekerti boleh disempurnakan; sesudah budi pekerti disempurnakan barulah boleh menguruskan keluarga sendiri dengan baik; sesudah menguruskan keluarga sendiri dengan baik barulah boleh mentadbirkan

真诚之后心思才能端正；心思端正之后才能修养好自己的品性；自己的品性修养好之后才能整治好自己的家庭；整治好自己的家庭之后才能治理好国家；治理好国家之后才能去治理天下使天下太平。三纲领，八条目，构成了一个完整的思想体系，千百年来，一直是许多人，许多知识分子，甚至许多平民百姓的执着追求，是他们的人生观、价值观的重要内容，是他们崇高的精神信仰。在“三纲领”、“八条目”熏陶之下，许多读书人都具有强烈的历史使命感和高度的社会责任感，认为“天下兴亡，匹夫有责”（天下国家的兴亡，每个人都有责任），将“以天下为己任”（使天下国家太平是自己的责任和使命）作为自己的人生信条。

negara dengan baik; sesudah mentadbirkan negara dengan baik barulah boleh menguruskan dan mengamankan dunia. Tiga program dan Lapan Fasal ini dapat membentuk satu sistem pemikiran yang lengkap. Sejak zaman kuno ini sudah menjadi matlamat yang teguh bagi ramai sarjana, bahkan rakyat jelata, sudah menjadi isi yang penting dalam pandangan hidup dan nilai mereka, sudah menjadi kepercayaan rohani mereka yang tertinggi. Ramai penuntut ilmu mempunyai rasa tanggungjawab yang kuat terhadap sejarah dan masyarakat kerana dipengaruhi oleh “Tiga Program” dan “Lapan Fasal” ini. Mereka berfikir “setiap orang bertanggungjawab terhadap kemakmuran dan kemerosotan negara dan dunia”, memandang “mengamankan negara dan dunia adalah tugas dan misi sendiri” sebagai ikrar sendiri.



修身為本

Penyempurnaan budi pekerti sendiri adalah asas kehidupan

